

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah warga emas yang mendapat khidmat di dalam Program Khidmat Bantu Di Rumah (Home Help) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) komited untuk memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau yang tinggal bersama ahli keluarga tetapi memerlukan khidmat nasihat serta sokongan penjagaan.

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) pada tahun 2012. Program ini yang dilaksanakan oleh sukarelawan yang berdaftar dengan JKM merupakan perkhidmatan pendampingan sosial (*social outreach*) kepada dua kumpulan sasaran iaitu OKU dan warga emas.

Hingga Ogos 2014 seramai 5,032 warga emas mendapat perkhidmatan dan manfaat daripada program *Home Help Services* melibatkan 193 kawasan Parlimen di seluruh Negara.